

Hishammuddin Naib Presiden SEAMEO

um - 15/3/2007

NUSA DUA 14 Mac - Malaysia menerima penghargaan daripada negara-negara jiran apabila Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dilantik sebagai Naib Presiden Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) yang bermesyuarat di sini hari ini.

Hishammuddin akan bekerjasama dengan Menteri Pendidikan Indonesia, Bambang Sudibyo yang dilantik sebagai Presiden SEAMEO untuk melaksanakan tugas dan aspirasi SEAMEO, yang ditubuhkan pada 30 November 1965, dalam memaju dan mengembangkan kerjasama dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan di rantau Asia Tenggara.

Pengumuman pelantikan kedua-dua mereka dibuat pada mesyuarat kali ke-42 SEAMEO yang dirasmikan oleh Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono di Pusat Persidangan Antarabangsa Bali (BICC) di sini.

Hishammuddin ketika mengulas pelantikan itu berkata, ia merupakan satu penghormatan bagi Malaysia dan penghormatan peribadi bagi dirinya, yang datang bersama tanggungjawab besar termasuk meneroka idea-idea baru bagi memajukan sektor pendidikan di rantau ini.

"Pelantikan ini tanggungjawab yang besar, namun saya amat menghargainya kerana ia satu bukti bahawa kita dipandang tinggi oleh negara-negara tetangga khususnya dalam kemajuan bidang pelajaran kita," katanya.

Hishammuddin berkata, bagi Malaysia pelantikan itu merupakan satu pentas memperkukuhkan suara semua 10 negara ASEAN di arena antarabangsa terutama dalam memperjuangkan nasib anak bangsa di rantau ini yang tidak boleh tertinggal dalam kepesatan dunia pendidikan.

SEAMEO pada mesyuarat tahunannya dihadiri semua menteri pelajaran dari Brunei, Kemboja, Laos, Indonesia, Myanmar, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan jiran ASEAN, Timor-Leste.

Mesyuarat kali ini juga disertai negara-negara anggota bersekutu SEAMEO iaitu Australia, Kanada, Perancis, Jerman, Belanda, New Zealand dan Norway serta anggota terbaru, Sepanyol.